UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Jabatan Pendaftar
Registry Department

Memorandum

Bangunan Canselori
*(Chancellory Building)*
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

Rujukan : USM. 38/15 Jld. XI

Tarikh : 19 Oktober 2022

Kepada : Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan
Institut Perubatan & Pergigian Termaju

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46 TAHUN 2022**
**- PENGUMPULAN CUTI REHAT (PCR) KE TAHUN 2023 DAN / ATAU PENGUMPULAN CUTI REHAT KE AWARD WANG TUNAI (AWT) TAHUN 2022**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak Universiti akan melaksanakan pengemaskinian pengumpulan cuti rehat bagi mana-mana staf yang tidak dapat menghabiskan cuti rehat bagi tahun ini. Selaras dengan Perbekalan Cuti Universiti, baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan atas sebab kepentingan perkhidmatan boleh dipertimbangkan untuk dibawa ke tahun hadapan atau AWT atau kedua-duanya sekali.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memastikan rekod cuti setiap staf adalah teratur dan dikemaskini. PCR ke Tahun Hadapan (2023) dan AWT 2022 hendaklah dilakukan secara atas talian melalui Sistem E-Cuti. Sila ambil perhatian bahawa jumlah maksimum yang boleh diluluskan ialah tidak melebihi kelayakan cuti rehat bagi tempoh dua (2) tahun perkhidmatan ke tahun ketiga. Berikut adalah jadual yang perlu dipatuhi oleh setiap PTJ:-

| Bil. | Tempoh | Aktiviti |
|---|---|---|
| 1. | **1 November 2022 hingga 30 November 2022** | - Untuk kemaskini PCR dan AWT oleh staf; dan<br>- Tempoh semakan dan pengesahan oleh Pegawai Pentadbiran dan Ketua Jabatan di PTJ. |

4. Untuk memastikan urusan pengumpulan cuti rehat ke tahun 2023 dan pengumpulan AWT 2022 dilaksanakan dengan teratur, lampiran-lampiran berikut boleh dirujuk/dicetak melalui portal 'Campus Online' di menu Sistem E-Cuti seperti berikut:-

(i) Manual Permohonan Pengumpulan Cuti Rehat (PCR) dan/atau Pengumpulan Cuti Rehat Ke Award Wang Tunai (AWT) - untuk staf membuat permohonan.

(ii) Manual Proses Permohonan Pengumpulan Cuti Rehat (PCR) dan/atau Pengumpulan Cuti Rehat Ke Award Wang Tunai (AWT) - untuk staf yang menguruskan cuti di PTJ; dan

(iii) Tatacara Pengumpulan Cuti Rehat Ke Tahun Hadapan dan Pengumpulan Cuti Rehat Ke AWT.

Sekian, terima kasih.

...2/-

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 46 TAHUN 2022**
**- PENGUMPULAN CUTI REHAT (PCR) KE TAHUN 2023 DAN / ATAU PENGUMPULAN CUTI REHAT KE AWARD WANG TUNAI (AWT) TAHUN 2022**

---

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah
Kampus Kejuruteraan

Pengarah
Kampus Kesihatan

Pengarah
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Timbalan Pendaftar Kanan }
Jabatan Pendaftar }
Kampus Kesihatan } Untuk hebahan mengikut
} kampus masing-masing.
Timbalan Pendaftar } Terima kasih.
Jabatan Pendaftar }
Kampus Kejuruteraan }

Ketua Penolong Pendaftar
Ketua Pentadbiran
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Semua Pegawai Pentadbiran
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan

MAMS/MFAA/nss...PCR/AWT 2022

**Tel. : (6)04 6536070 ; Faks : (6)04 6534315 ; e-emel : azizudin@usm.my ; Web : registry.usm.my**